

22 AUG 1996

MENEM DIBERI SAMBUTAN RASMI DI BANGUNAN PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Presiden Argentina Carlos Menem diberi sambutan rasmi di Bangunan Parlimen selepas tiba di sini pagi tadi untuk lawatan lima hari ke Malaysia.

Beliau disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pancaragam Rejimen Askar Melayu Diraja kemudian memainkan lagu kebangsaan kedua-dua negara sebelum Menem diperkenalkan kepada para menteri Kabinet dan anggota diplomat asing.

Upacara itu diadakan dalam bangunan kerana hujan renyai-renyai di ibu negara.

Malam ini, Presiden Argentina itu akan diraikan oleh Tuanku Ja'afar and Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah pada majlis jamuan negara.

Menem akan mengadakan rundingan dengan Dr Mahathir esok. -- BERNAMA
MAM